

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH / HARI : 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

# Kuatkuasa tahun depan

**SUBANG JAYA** - Larangan penggunaan polisterin di semua pihak berkuasa tempatan di Selangor bakal dikuatkuasakan mulai tahun depan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, kempen berkenaan sedang berjalan di peringkat PBT bagi memberi kesedaran kepada peniaga dan pengguna.

"Mulai 1 Januari tahun depan, pengusaha atau peniaga tidak lagi boleh mengedar dan menggunakan bahan polisterin di seluruh Selangor.

"Untuk beg plastik pula, kita tidak menggalakkan dan jika terdapat premis perniagaan yang mahu memberinya kepada pelanggan, mereka perlu mengenakan caj bayaran dan tidak boleh diberikan secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Inisiatif Hijau Bersama Komuniti dan Badan Korporat juga Majlis Pelancaran Larangan Penggunaan Polisterin

di Semua Premis Makanan serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2016.

Turut hadir, Yang Dipertua MPSJ, Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Beliau berkata, sebagai alternatif lain, antara bahan dipromosikan kepada pengguna adalah beg "biodegradable" diperbuat daripada bahan terpilih yang mesra alam dan MPSJ mengambil inisiatif menghasilkannya.

Katanya, pengguna juga digalakkan mencari alternatif lain seperti membawa beg kitar semula ketika membeli-belah juga bekas makanan sendiri.

"MPSJ adalah PBT pertama di Selangor memulakan program ini dan kejayaannya membanggakan dengan sambutan baik daripada masyarakat awam.

"Kempen ini kita mulakan se-

**Mulai 1 Januari tahun depan, pengusaha atau peniaga tidak lagi boleh mengedar dan menggunakan bahan polisterin di seluruh Selangor**

**ELIZABETH WONG**

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

jak 2011 dan ia masa tepat bagi Selangor melangkah ke hadapan dalam usaha menjadi negeri peneraju teknologi hijau dan karbon rendah," katanya.

